

Sekolah terbabit banjir dibuka apabila sedia beroperasi - KPM

Saiful Halizan Hasam - Januari 3, 2022 @ 11:01pm
saiful.halizan@bh.com.my



Petugas membuang buku yang musnah selepas koperasi sekolah ditenggelami air ketika tinjauan pasca banjir di Sekolah Kebangsaan Taman Sri Muda 2, Shah Alam, Selangor. - Foto NSTP/Hairul Anuar Rahim

KUALA LUMPUR: Pengoperasian semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) yang terbabit dengan bencana banjir hanya akan bermula selepas ia bersedia untuk beroperasi.

KPM dalam satu kenyataan malam ini, memaklumkan apabila institusi pendidikan itu selesai dbersihkan dan bersedia untuk kembali beroperasi, ia akan dibuka semula pada Ahad atau Isnin minggu persekolahan berikutnya.

Katanya, kementerian akan terus memantau dan mengemas kini senarai institusi pendidikan yang dilanda banjir atau dijadikan pusat pemindahan sementara (PPS) pada setiap Rabu.

"Perubahan senarai yang dikeluarkan oleh KPM adalah tertakluk kepada situasi semasa bencana banjir.